

Rafidah kritik usahawan tiada daya usaha

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

SINGAPURA, Selasa — Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz hari ini mengkritik para usahawan kecil di Malaysia termasuk Bumiputera kerana bersikap sambil lewa, kurang daya usaha dan terlalu banyak bergantung kepada kerajaan.

Beliau berkata kerajaan memandang berat adanya golongan yang 'terlalu bergantung' di kalangan para usahawan ini dan berazam hendak memberhentikannya.

Bercakap kepada para

pemberita di sini selepas berucap dalam kongres peniaga kecil antara-bangsa ke-10, Datin Paduka Rafidah berkata, ada hadnya bantuan yang dapat diberikan oleh kerajaan.

"Mestilah ada sempadannya dan selepas itu para peniaga kecil ini mestilah belajar berdikari," katanya.

Beliau tidak pula menghuraikan apakah sempadannya tetapi katanya, kerajaan akan lebih memilih apabila memberi bantuan.

"Yang penting sekarang bukanlah mempunyai ramai peniaga

kecil tetapi mempunyai usahawan yang ingin berjaya," katanya.

"Apabila bantuan telah diberikan, contohnya pinjaman, ia mestilah disusuli bagi memastikan wang itu dibelanjakan dengan sewajarnya."

Terdahulu, Datin Paduka Rafidah juga menyentuh 'sindrom' terlalu bergantung' ini dan menambah bahawa agensi-agensi kerajaan patut juga dipersalahkan akibat perkembangan ini.

Beliau berkata, acapkali dalam usaha hendak membantu dan memajukan usahawan-usahawan kecil, kerajaan dan agensi-agensinya mungkin mendapati mereka memberi bantuan keseluruhannya hingga menyebabkan 'sindrom' terlalu bergantung ini.

Katanya kerajaan sedang berusaha memastikan agensi-agensi ini tidak menindih bantuan kepada para usahawan.

— Bernama